

Masalah banjir kilat selesai Februari 2016

KLANG 3 Sept. - Banjir kilat yang kerap melanda beberapa kawasan di negeri ini bakal berakhir apabila fasa pertama kerja-kerja menaik taraf sistem saliran di Pelabuhan Klang bagi mengatasi bencana tersebut siap pada Februari depan.

Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor, Datuk Seri Noh Omar berkata, projek berkenaan bakal mengatasi masalah banjir di beberapa kawasan tumpuan.

Menurutnya, selain Pelabuhan Utara (Sungai Dua Besar) dan Jalan Pelabuhan Utara turut terlibat di Pejabat Lembaga Pelabuhan Klang dan Kelab Pelayaran Diraja Klang.

“Kerja tebatan bagi fasa pertama ini bagaimanapun mengalami kelewatan apabila ia sebenarnya dijangka siap pada 23 Jun lalu.

“Projek ini amat penting, berikutan terdapat 20 lokasi baharu yang sebelum ini tidak pernah berlakunya banjir antaranya di Shah Alam, Puncak Alam dan sekitar IOI Mall Puchong,” katanya dalam sidang akhbar selepas membuat lawatan kerja pembinaan sistem saliran di Kelab Pelayaran Diraja Klang di sini.

Yang hadir sama ialah Ketua UMNO Bahagian Kapar, Datuk Faizal Abdullah; Penyelaras Dewan Undangan Negeri Meru, Datuk Mohlis Jaafar dan Timbalan Pengarah Pembangunan II Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor, Mohamad Nazif Daud.

Bagaimanapun, Noh menjelaskan, masalah banjir kilat tidak akan selesai sekiranya tiada kerjasama

daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) yang bertanggungjawab menyelenggara longkang dan parit yang tersumbat.

Menurutnya, kejadian banjir adalah satu bencana yang merugikan banyak pihak, justeru Kerajaan Persekutuan berusaha untuk mengurangkan masalah tersebut banjir.

“Ini terutamanya di kawasan perindustrian seperti di Pelabuhan Klang yang merupakan hab kegiatan ekonomi.

“Sebanyak RM25 juta peruntukan disediakan bagi fasa pertama manakala kerja tebatan ini akan diteruskan untuk fasa kedua dengan peruntukan sebanyak RM40 juta yang kini sedang dalam proses tender kepada kontraktor yang layak,” katanya.



NOH OMAR (tiga dari kanan) mendengar penerangan daripada **Mohamad Nazif Daud** (empat dari kanan) sambil diperhatikan **Faizal Abdullah** (kanan) pada sesi lawatan Projek Tebatan Banjir Fasa Pertama di kawasan Kelab Kapal Layar Diraja Selangor di Klang, Selangor, semalam. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS